



TEGUH TABUR BAKTI: Cik Zainurwarna menggunakan masa lapang untuk berbakti kepada anggota masyarakat yang lain. Antara lain, beliau mengunjungi rumah penerima bantuan SRC setiap bulan dan beramah mesra agar mereka tidak kesunyian.

Meraih penawar dalam pemberian

BANTUAN yang dihulur tidak akan merugikan mana-mana pihak, malah yang menghulur pun ‘menjamah kemanisannya’.

Itulah yang dialami Cik Zainurwarna Mohd Zainuri, 20 tahun.

Penuntut tahun kedua Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam bidang kerja sosial itu menghidapi *systemic lupus erythematosus*, sejenis penyakit autoimun yang mana sistem ketahanan tubuhnya sendiri menyerang tisu sihat.

Hal itu menyebabkan Cik Zainurwarna pernah mengalami keadaan koma selama beberapa hari akibat demam panas.

Bahkan, beliau perlu menjalani pembedahan akibat radang buah pinggang dan tidak boleh tertekan.

Namun, beliau tetap memilih mahu menghabiskan masa lapang membantu orang lain.

“Saya telah menerima banyak bantuan dan sokongan ahli keluarga dan sahabat disebabkan penyakit saya. Jadi saya rasa saya tidak mahu hanya menerima, malah memberi,” ujarnya.

Membantu orang lain seakan memberi kesan terhadap penyembuhannya juga, katanya. Menurut beliau, apabila seseorang itu

membantu orang lain, secara semula jadi dia akan rasa senang dan gembira, justeru beri kesan positif kepadanya secara psikologi.

Cik Zainurwarna antara anggota Belia Palang Merah Singapura (SRC) NUS Chapter.

Beliau bekerja rapat dengan SRC demi menyelaras dan menghubungkan sukarelawan dengan penerima bantuan. Malah, beliau sendiri akan ‘turun padang’ dan membuat lawatan setiap bulan.

Cik Zainurwarna berkongsi bahawa beliau sudah lebih setahun melawat seorang penerima bantuan yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah.

“Saya akan bertanya khabar, memahami bantuan yang diperlukan dan menyampaikan keprihatinannya kepada SRC,” katanya.

Selain itu, Cik Zainurwarna terlibat dalam kegiatan sampingan SRC.

Beliau merancang ingin terus bergiat dalam kerja sosial dan menaroka peluang bekerja di pusat khidmat keluarga demi membantru keluarga memerlukan.

“Saya ingin menyumbang kepada mereka yang kurang bernasib baik. Apa salahnya kita bantu membuat kehidupan mereka lebih baik walau sedikit pun,” ujarnya.